

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apa jenis kajian buluh yang akan dijalankan di pusat penyelidikan buluh di Dataran Tembusu di Terengganu. Apakah agensi yang menyumbangkan dana dan kajian dalam projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, buat masa ini tiada Pusat Penyelidikan Buluh di Dataran Tembusu, Terengganu dan tiada kajian buluh dijalankan di Dataran Tembusu. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kini sedang membangunkan dokumen manual mengenai aplikasi buluh dalam industri pembinaan iaitu “Manual Aplikasi Buluh dalam Industri Pembinaan” yang dibiayai di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) melalui projek Pembangunan Standard dan Kejuteraan Kayu.

Objektif utama pembangunan manual ini adalah untuk mewujudkan bahan rujukan kepada industri perkayuan khususnya pemain industri buluh, pusat pengajian tinggi dan pemegang taruh yang terlibat dalam struktur pembinaan. Selain itu, manual ini juga akan digunakan oleh pihak yang melaksanakan aktiviti/kursus pembangunan modal insan bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan pakar-pakar berkaitan struktur buluh dalam industri

pembinaan. Di samping itu, projek ini juga akan menekankan aplikasi buluh dalam produk nilai tambah tinggi seperti penggunaan buluh sebagai lantai, bidai dan produk perabot dari buluh. Usaha untuk membangunkan manual aplikasi buluh ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meneroka potensi buluh sebagai sumber alternatif yang boleh memangkin ekonomi negara bagi tempoh jangka panjang di samping mempelbagaikan produk berasaskan perkayuan.

Buluh merupakan salah satu bahan yang berpotensi untuk struktur pembinaan di Malaysia. Aplikasi buluh dalam pembinaan mempunyai potensi yang tinggi kerana ia lebih ringan dari segi ketumpatan. Pembinaan bangunan dengan struktur buluh hanya memerlukan kegunaan tenaga yang minima dan mengeluarkan karbon dioksida yang lebih rendah serta berfungsi sebagai penebat dan sokongan struktur.

Berdasarkan kepada kebaikan dan kelebihan buluh di dalam aplikasi pembinaan, Kementerian berpendapat bahawa pembinaan bangunan ikonik daripada buluh adalah bersesuaian dengan matlamat pembangunan industri buluh. Inisiatif ini adalah penting agar industri buluh dapat dibangunkan sebagai salah satu agrikomoditi bagi menjana pendapatan serta memberi manfaat kepada rakyat khususnya dan negara amnya.

Sekian, terima kasih.